

Bil. S 27

**AKTA CUKAI PENDAPATAN  
(PENGAL 35)**

**PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PERTUKARAN MAKLUMAT)  
(KINGDOM OF SWEDEN), 2014**

BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh bab 41(1) dari Akta Cukai Pendapatan bahawa jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat dengan perintah mengisytiharkan bahawa penyusunan yang dinyatakan dalam perintah itu telah dibuat dengan Kerajaan mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dengan tujuan hendak bertukar-tukar maklumat berhubung dengan cukai di bawah Akta itu dan sebarang cukai yang sama jenisnya yang dikenakan oleh undang-undang negara atau wilayah tersebut dan bahawa adalah mustahak supaya penyusunan tersebut berkuat kuasa, maka penyusunan tersebut hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan cukai dan perkara lain yang berkaitan di bawah Akta itu dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun dalam sebarang undang-undang bertulis.

DAN BAHAWASANYA dengan suatu perjanjian bertarikh 27 haribulan Jun 2012 di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan the Kingdom of Sweden, penyusunan telah dibuat berkaitan dengan pertukaran maklumat mengenai perkara-perkara cukai.

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA adalah dengan ini diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat bahawa —

(a) perjanjian yang dinyatakan dalam Jadual di bawah ini telah dibuat dengan Kerajaan the Kingdom of Sweden; dan

(b) adalah mustahak supaya penyusunan dalam perjanjian tersebut berkuat kuasa.

**JADUAL**

**PERJANJIAN DI ANTARA  
KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DAN**

**KERAJAAN THE KINGDOM OF SWEDEN**

**BAGI PERTUKARAN MAKLUMAT BERHUBUNG DENGAN  
PERKARA-PERKARA CUKAI**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan The Kingdom of Sweden, dengan hasrat hendak membuat suatu Perjanjian bagi pertukaran maklumat berhubung dengan perkara-perkara cukai, telah bersetuju seperti berikut:

**Perkara 1**

**Matlamat dan Skop Perjanjian**

1. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memberikan bantuan melalui pertukaran maklumat yang dijangka berkaitan dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang domestik Pihak-Pihak Pejanji berkenaan dengan cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Maklumat tersebut hendaklah termasuk maklumat yang dijangka berkaitan dengan penentuan, taksiran dan pemungutan cukai-cukai tersebut, mendapatkan balik dan penguatkuasaan tuntutan-tuntutan cukai, atau penyiasatan atau pendakwaan perkara-perkara cukai. Pertukaran maklumat hendaklah menurut peruntukan-peruntukan Perjanjian ini dan hendaklah disifatkan sebagai rahsia mengikut cara yang diperuntukkan dalam Perkara 8. Hak-hak dan perlindungan yang diberi jaminan kepada orang-orang oleh undang-undang atau amalan pentadbiran Pihak yang diminta terus terpakai setakat mana hak-hak dan perlindungan itu tidak menghalang atau melambatkan secara tidak wajar pertukaran maklumat dengan berkesan.

2. Perjanjian ini tidaklah menjejaskan penganan di Pihak-Pihak Pejanji aturan-aturan mengenai bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah.

## **Perkara 2**

### **Bidang Kuasa**

Pihak yang diminta tidak wajib memberikan maklumat yang tidak dipegang oleh pihak-pihak berkuasanya atau tidak ada dalam milikan atau kawalan orang-orang yang berada di dalam bidang kuasa wilayahnya.

## **Perkara 3**

### **Cukai-Cukai Yang Diliputi**

1. Cukai-cukai yang menjadi perkara Perjanjian ini adalah setiap jenis dan perihalan cukai yang dikenakan di Pihak-Pihak Pejanji.

2. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada apa-apa cukai yang sama yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada atau bagi menggantikan cukai-cukai sedia ada. Perjanjian ini hendaklah juga dikenakan kepada apa-apa cukai yang sebahagian besarnya serupa yang dikenakan selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada atau bagi menggantikan cukai-cukai sedia ada jika pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-pihak Pejanji bersetuju sedemikian. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memberitahu antara satu sama lain mengenai apa-apa perubahan besar kepada pencukaian dan langkah-langkah mengumpul maklumat yang berkaitan yang diliputi oleh Perjanjian ini.

## **Perkara 4**

### **Takrifan**

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, melainkan jika ditakrifkan selainnya:

(a) perkataan “Negara Brunei Darussalam” bermakna wilayah Negara Brunei Darussalam termasuk laut wilayahnya, sehingga meliputi ruang udara di atas wilayah tersebut, yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan kedaulatan, dan kawasan maritim yang melimpasi laut wilayahnya, termasuk dasar laut dan tanah bawah, yang telah atau mungkin selepas ini ditetapkan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam sebagai suatu kawasan yang ke atasnya Negara Brunei Darussalam menjalankan hak kedaulatan dan bidang kuasa menurut undang-undang antarabangsa;

(b) perkataan “Sweden” bermakna the Kingdom of Sweden dan, apabila digunakan dalam erti geografi, termasuk wilayah negara, laut wilayah Sweden dan juga kawasan maritim lain yang ke atasnya Sweden menurut undang-undang antarabangsa menjalankan hak kedaulatan atau bidang kuasa;

(c) perkataan “Pihak Pejanji” bermakna Negara Brunei Darussalam atau Sweden mengikut kehendak konteksnya;

(d) perkataan “pihak berkuasa yang layak” bermakna:

- (i) di Negara Brunei Darussalam, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (ii) di Sweden, Menteri Kewangan, wakilnya yang diberi kuasa atau pihak berkuasa yang ditetapkan sebagai pihak berkuasa yang layak bagi maksud-maksud Perjanjian ini;

(e) perkataan “orang” termasuk seseorang individu, sesebuah syarikat dan mana-mana kumpulan orang lain;

(f) perkataan “syarikat” bermakna mana-mana badan korporat atau mana-mana entiti yang disifatkan sebagai suatu badan korporat bagi maksud-maksud cukai;

(g) perkataan “syarikat dagangan awam” bermakna mana-mana syarikat yang kelas saham-sahamnya yang utama disenaraikan dalam sebuah bursa saham yang diiktiraf dengan syarat bahawa saham-sahamnya yang tersenarai boleh dibeli atau dijual dengan mudah oleh orang ramai. Saham-saham boleh dibeli atau dijual “oleh orang ramai” jika pembelian atau penjualan saham tidak dibataskan secara tersirat atau nyata kepada suatu kumpulan pelabur yang terhad;

(h) perkataan “kelas saham-saham yang utama” bermakna kelas atau kelas-kelas saham yang menggambarkan majoriti kuasa mengundi dan nilai syarikat;

(i) perkataan “bursa saham yang diiktiraf” bermakna mana-mana bursa saham yang dipersetujui oleh pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji;

(j) perkataan “dana atau skim pelaburan kolektif” bermakna apa-apa alat pelaburan terkumpul, tanpa mengira bentuk undang-undang. Perkataan “dana atau skim pelaburan kolektif awam” bermakna mana-mana dana atau skim pelaburan kolektif dengan syarat unit-unit, saham-saham atau kepentingan lain ke atas dana atau skim itu boleh dibeli, dijual atau ditebus dengan mudah oleh orang ramai. Unit-unit, saham-saham atau kepentingan lain ke atas dana atau skim itu boleh dibeli, dijual atau ditebus dengan mudah “oleh orang ramai” jika pembelian, penjualan atau penebusan itu tidak dibataskan secara tersirat atau nyata kepada suatu kumpulan pelabur yang terhad;

(k) perkataan “cukai” bermakna apa-apa cukai yang dikenakan Perjanjian ini;

(l) perkataan “Pihak pemohon” bermakna Pihak Pejanji yang meminta maklumat;

(m) perkataan “Pihak yang diminta” bermakna Pihak Pejanji yang diminta untuk memberikan maklumat;

(n) perkataan “langkah-langkah mengumpul maklumat” bermakna undang-undang dan prosedur pentadbiran atau kehakiman yang membolehkan suatu Pihak Pejanji mendapatkan dan memberikan maklumat yang diminta;

(o) perkataan “maklumat” bermakna apa-apa fakta, pernyataan atau rekod dalam apa jua bentuk pun.

2. Berhubung dengan penerangan Perjanjian ini pada bila-bila masa oleh suatu Pihak Pejanji, apa-apa perkataan yang tidak ditakrifkan dalam Perjanjian ini hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, mempunyai makna yang dipunyainya pada masa itu di bawah undang-undang Pihak itu, apa-apa makna di bawah undang-undang cukai yang terpakai Pihak itu mengatasi makna yang diberikan kepada perkataan tersebut di bawah undang-undang lain Pihak itu.

## **Perkara 5**

### **Pertukaran Maklumat Apabila Diminta**

1. Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta hendaklah memberikan maklumat apabila diminta bagi maksud-maksud yang disebut dalam Perkara 1. Pertukaran maklumat tersebut hendaklah dibuat tanpa mengambil kira sama ada kelakuan yang sedang disiasat akan menjadi suatu jenayah di bawah undang-undang Pihak yang diminta jika kelakuan tersebut berlaku di Pihak yang diminta.

2. Jika maklumat yang ada dalam milikan pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta tidak mencukupi untuk membolehkannya mematuhi permintaan bagi maklumat itu, Pihak itu hendaklah menggunakan semua langkah mengumpul maklumat yang berkaitan untuk memberikan maklumat yang diminta itu kepada Pihak pemohon, walaupun Pihak yang diminta mungkin tidak memerlukan maklumat tersebut bagi maksud-maksud cukainya sendiri.

3. Jika diminta secara khusus oleh pihak berkuasa yang layak di Pihak pemohon, pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta hendaklah memberikan maklumat di bawah Perkara ini, setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang domestiknya, dalam bentuk pernyataan bersumpah yang dibuat oleh saksi-saksi dan salinan rekod asal yang diakui sah.

4. Tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah memastikan bahawa pihak berkuasanya yang layak bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Perkara 1 Perjanjian ini, mempunyai kuasa untuk mendapatkan dan memberikan apabila diminta:

(a) maklumat yang dipegang oleh bank, institusi kewangan lain, dan mana-mana orang yang bertindak atas sifat agensi atau fidusiari termasuk penama dan pemegang amanah;

(b) maklumat berhubung dengan pemilikan syarikat, perkongsian, amanah, yayasan, "Anstalten" dan orang lain, termasuk, dalam hambatan Perkara 2, maklumat pemilikan mengenai semua orang dalam suatu rangkaian pemilikan; dalam hal amanah, maklumat mengenai pembuat, pemegang amanah dan benefisiari; dan dalam hal yayasan, maklumat mengenai pengasas, ahli-ahli majlis yayasan dan benefisiari. Selanjutnya, Perjanjian ini tidak mewujudkan suatu obligasi kepada Pihak-Pihak Pejanji untuk mendapatkan atau memberikan maklumat pemilikan berkenaan dengan syarikat-syarikat dagangan awam atau dana atau skim pelaburan kolektif awam melainkan jika maklumat tersebut dapat diperolehi tanpa menimbulkan kesulitan yang tidak berpadanan.

5. Pihak berkuasa yang layak di Pihak pemohon hendaklah memberikan maklumat yang berikut kepada pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta apabila membuat suatu permintaan maklumat di bawah Perjanjian ini untuk menunjukkan jangkauan kaitan maklumat tersebut dengan permintaan itu:

(a) identiti orang yang diperiksa atau disiasat;

(b) suatu pernyataan mengenai maklumat yang diminta termasuk jenisnya dan bentuk bagaimana Pihak pemohon ingin menerima maklumat itu daripada Pihak yang diminta;

(c) tujuan cukai yang baginya maklumat itu diminta;

(d) alasan untuk mempercayai bahawa maklumat yang diminta itu dipegang oleh Pihak yang diminta atau ada dalam milikan atau kawalan seseorang di dalam bidang kuasa Pihak yang diminta;

(e) setakat yang diketahui, nama dan alamat mana-mana orang yang dipercayai ada memiliki maklumat yang diminta itu;

(f) suatu pernyataan bahawa permintaan itu adalah menepati dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Pihak pemohon, bahawa jika maklumat yang diminta itu adalah di dalam bidang kuasa Pihak pemohon maka pihak berkuasa yang layak di Pihak pemohon akan dapat memperolehi maklumat itu di bawah undang-undang Pihak pemohon atau dalam perjalanan biasa amalan pentadbiran dan bahawa ia adalah menepati dengan Perjanjian ini;

(g) suatu pernyataan bahawa Pihak pemohon telah menggunakan segala cara yang ada dalam wilayahnya sendiri untuk mendapatkan maklumat itu, kecuali cara-cara yang akan menimbulkan kesulitan yang tidak berpadanan.

6. Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta hendaklah menghantar maklumat yang diminta dengan secepat mungkin kepada Pihak pemohon. Untuk memastikan jawapan yang segera, Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta hendaklah:

(a) Mengesahkan penerimaan suatu permintaan secara bertulis kepada pihak berkuasa yang layak di Pihak pemohon dan hendaklah memberitahu pihak berkuasa yang layak di Pihak pemohon mengenai kekurangan dalam permintaan itu, jika ada, dalam masa 60 hari dari permintaan itu diterima.

(b) Jika pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta tidak dapat memperolehi dan memberikan maklumat itu dalam masa 90 hari dari permintaan itu diterima, termasuk jika ia menghadapi halangan dalam memberikan maklumat itu atau ia enggan memberikan maklumat itu, maka ia hendaklah memberitahu dengan segera Pihak pemohon, dengan menyatakan sebab ia tidak dapat, bentuk halangan atau sebab ia enggan.

## Perkara 6

### Pemeriksaan Cukai Di Luar Negeri

1. Suatu Pihak Pejanji boleh membenarkan wakil-wakil pihak berkuasa yang layak di Pihak Pejanji yang satu lagi untuk memasuki wilayah Pihak yang mula-mula disebutkan bagi menemuduga individu-individu dan memeriksa rekod-rekod dengan persetujuan bertulis orang-orang yang berkenaan. Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang kedua disebutkan hendaklah memberitahu pihak berkuasa yang layak di Pihak yang mula-mula disebutkan mengenai masa dan tempat perjumpaan dengan individu-individu yang berkenaan.

2. Atas permintaan pihak berkuasa yang layak di satu Pihak Pejanji, pihak berkuasa yang layak di Pihak Pejanji yang satu lagi boleh membenarkan wakil-wakil pihak berkuasa yang layak di Pihak yang mula-mula disebutkan untuk hadir dalam sebahagian dari suatu pemeriksaan cukai yang berkenaan di Pihak yang kedua disebutkan.

3. Jika permintaan yang disebut dalam perenggan 2 dipersetujui, pihak berkuasa yang layak di Pihak Pejanji yang menjalankan pemeriksaan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh, memberitahu pihak berkuasa yang layak di Pihak yang satu lagi mengenai masa dan tempat pemeriksaan itu, pihak berkuasa atau pegawai yang ditetapkan untuk menjalankan pemeriksaan itu dan prosedur dan syarat-syarat yang dikehendaki oleh Pihak yang mula-mula disebutkan bagi menjalankan pemeriksaan itu. Semua keputusan berkenaan dengan perjalanan pemeriksaan cukai itu hendaklah dibuat oleh Pihak yang menjalankan pemeriksaan itu.

**Perkara 7**

**Kemungkinan Untuk Menolak Permintaan**

1. Pihak yang diminta tidaklah dikehendaki untuk mendapatkan atau memberikan maklumat yang tidak akan dapat diperolehi oleh Pihak pemohon di bawah undang-undangnya sendiri bagi maksud-maksud pelaksanaan atau penguatkuasaan undang-undang cukainya sendiri. Pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta boleh enggan membantu jika permintaan itu tidak dibuat menepati dengan Perjanjian ini.

2. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini tidak boleh mengenakan kepada suatu Pihak Pejanji obligasi untuk memberikan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa perdagangan, perniagaan, perindustrian, komersil atau rahsia profesional atau proses perdagangan. Dengan tidak menghiraukan peruntukan-peruntukan yang disebutkan di atas, maklumat dari jenis yang disebut dalam Perkara 5, perenggan 4 tidaklah boleh disifatkan sebagai rahsia atau proses perdagangan hanya kerana ia memenuhi kriteria dalam perenggan itu.

3. Peruntukan-peruntukan Perjanjian ini tidaklah boleh mengenakan kepada suatu Pihak Pejanji obligasi untuk mendapatkan atau memberikan maklumat, yang akan mendedahkan perhubungan sulit di antara klien dan seorang peguam, peguamcara atau wakil lain di sisi undang-undang yang diterima jika perhubungan itu:

(a) dikemukakan bagi maksud-maksud meminta atau memberi nasihat undang-undang; atau

(b) dikemukakan bagi maksud-maksud untuk digunakan dalam prosiding undang-undang sedia ada atau yang dicadangkan.

4. Pihak yang diminta boleh menolak suatu permintaan maklumat jika pendedahan maklumat itu adalah bertentangan dengan dasar awam (*ordre public*).

5. Suatu permintaan maklumat tidak boleh ditolak atas alasan bahawa tuntutan cukai yang menimbulkan permintaan itu dipertikaikan.

6. Pihak yang diminta boleh menolak suatu permintaan maklumat jika maklumat itu diminta oleh Pihak pemohon untuk melaksanakan atau menguatkuasakan suatu peruntukan undang-undang cukai Pihak pemohon, atau sebarang kehendak yang berhubungan dengannya, yang mendiskriminasikan seseorang rakyat Pihak yang diminta berbanding dengan seseorang rakyat Pihak pemohon dalam hal keadaan yang sama.



## **Perkara 8**

### **Penyimpanan Rahsia**

Sebarang maklumat yang diterima oleh suatu Pihak Pejanji di bawah Perjanjian ini hendaklah disifatkan sebagai rahsia sama seperti maklumat yang diperolehi di bawah undang-undang domestik Pihak itu dan boleh didedahkan hanya kepada orang-orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan pentadbiran) dalam bidang kuasa Pihak Pejanji yang terlibat dalam menaksir atau memungut, menguatkuasakan atau mendakwa berkaitan dengan, atau memutuskan rayuan berkenaan dengan, cukai-cukai yang diliputi oleh Perjanjian ini. Orang-orang atau pihak-pihak berkuasa itu hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud-maksud tersebut. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Maklumat itu tidak boleh didedahkan kepada mana-mana orang atau entiti atau pihak berkuasa lain atau mana-mana bidang kuasa lain tanpa persetujuan bertulis yang nyata daripada pihak berkuasa yang layak di Pihak yang diminta.

## **Perkara 9**

### **Kos**

Hal yang berkenaan dengan kos yang dilakukan dalam memberi bantuan hendaklah dipersetujui oleh pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji.

## **Perkara 10**

### **Perlaksanaan Undang-Undang**

Pihak-Pihak Pejanji hendaklah memperbuat sebarang undang-undang yang perlu untuk mematuhi, dan menguatkuasakan, terma-terma Perjanjian ini.

## **Perkara 11**

### **Prosedur Persetujuan Bersama**

1. Jika kesulitan atau keraguan timbul di antara Pihak-Pihak Pejanji berhubung dengan pelaksanaan atau tafsiran Perjanjian ini, pihak-pihak berkuasa yang layak hendaklah berusaha untuk menyelesaikan perkara itu dengan persetujuan bersama.
2. Sebagai tambahan kepada persetujuan yang disebut dalam perenggan 1, pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji boleh mempersetujui bersama mengenai prosedur yang akan digunakan di bawah Perkara-Perkara 5 dan 6.

3. Pihak-pihak berkuasa yang layak di Pihak-Pihak Pejanji boleh berhubung antara satu sama lain secara langsung bagi tujuan mencapai persetujuan di bawah Perkara ini.

### **Perkara 12**

#### **Mula Berkuat Kuasa**

1. Tiap-tiap Pihak Pejanji hendaklah memberitahu Pihak Pejanji yang satu lagi secara bertulis mengenai penyelesaian prosedur yang dikehendaki oleh undang-undangnya bagi mula berkuatkuasanya Perjanjian ini.

2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketigapuluh selepas pemberitahuan yang kemudian dari pemberitahuan-pemberitahuan ini diterima dan hendaklah selepas itu berkuat kuasa:

(a) bagi perkara cukai jenayah, dari tarikh mula berkuat kuasa; dan

(b) bagi semua perkara lain yang diliputi dalam Perkara 1, bagi tempoh-tempoh kena cukai yang bermula pada atau selepas tarikh Perjanjian ini mula berkuat kuasa, atau jika tempoh kena cukai tidak ada, bagi semua pengenaan cukai yang timbul pada atau selepas tarikh Perjanjian ini mula berkuat kuasa.

### **Perkara 13**

#### **Penamatan**

1. Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ditamatkan oleh suatu Pihak Pejanji. Salah satu Pihak Pejanji boleh menamatkan Perjanjian ini, melalui saluran diplomatik, dengan memberi notis penamatan secara bertulis kepada Pihak Pejanji yang satu lagi. Dalam hal itu, Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuat kuasa pada satu haribulan dalam bulan selepas tamatnya tempoh enam bulan selepas tarikh notis penamatan diterima oleh Pihak Pejanji yang satu lagi.

2. Sekiranya berlaku penamatan, kedua-dua Pihak Pejanji hendaklah terus terikat dengan peruntukan-peruntukan Perkara 8 berkenaan dengan sebarang maklumat yang diperolehi di bawah Perjanjian ini.

Pada menyaksikannya wakil-wakil yang bertandatangan di bawah ini yang telah diberi kuasa telah menandatangani Perjanjian ini.

Diperbuat di Paris pada hari ini 27 haribulan Jun 2012, dalam dua salinan dalam bahasa Melayu, bahasa Sweden dan bahasa Inggeris, setiap naskhah adalah sama sahnyanya. Sekiranya terdapat perbezaan tafsiran antara naskhah-naskhah itu, maka versi bahasa Inggeris hendaklah dipakai.

KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG  
MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KERAJAAN  
THE KINGDOM OF SWEDEN

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1436 bersamaan dengan 26 haribulan Mac, 2015 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

PEHIN ORANG KAYA PEKERMA JAYA  
DATO PADUKA HAJI AWANG JUDIN BIN HAJI ASAR  
Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.